

MAHATHIR-ULASAN

(I)

1984

KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PARA PEMIMPIN UMNO, TIDAK MENGIRAMEREKA YANG MENANGATAU KALAH DALAM PERTANDINGAN MEREKUT JAWATAN PARTI, SUPAYA MELUPAKAN SAHAJA PERSAINGAN SEMASA KEMPEN PEMILIHAN DAN SEBALIKNYA BEKERJA KUAT UNTUK KEBAIKAN UMNO.

+SEMUA PPHAK HARUSLAH MELUPAKAN. RASAPAHIT YANG TIMBUL SEMASA KEMPEN DAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA MENGUKUHKAN PARTI, + KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENYAMPAIKAN UCAPAN DASAR BELIAU DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO.

BELIAU PUAS HATI DENGAN KEPUTUSAN PEMILIHAN PEMUDA UMNO SEMALAM YANG ENCIK ANWAR IBRAHIM DIPILIH SEBAGAI KETUA, DAN WANITA UMNO YANG MEMILIH KETUA BARUNYA DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ.

TETAPI, BELIAU ENGGAN MENGULAS SAMA ADA KEPUTUSAN SEMALAM AKAN MEMPENGARUHI PENGUNDIAN UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN DAN LAIN-LAIN JAWATAN KANAN PARTI HARI INI.

DITANYASAMA ADA PEMILIHAN SEMULA ENCIK ANWAR DAN KEMENANGAN DATIN PADUKA RAFIDAH MERUPAKAN SOKONGAN KEPADA PUCUK PIMPINAN, PRESIDEN UMNO ITU MENJAWAB: +SAYA TIDAK MEMPUNYAI PENDAPAT. ITU CUMA DIKATAKAN OLEH AKHBAR. + -- LAGI 1515/MB

MAHATHIR-ULASAN 2 KUALA LUMPUR

+BAGAIMANAPUN, SAYA RASA MEREKA ITU TELAH BEKERJA KERAS UNTUK PARTI DAN RAKYAT DAN MEREKA PATUT MENANG, + KATANYA. DATUK SERI DR. MAHATHIR MENASIHATKAN MEREKA YANG KALAH, SUPAYA JANGAN MERASA HAMPA KERANA MEREKA MASIH BOLEH BERJUANG UNTUK PARTI.

+DALAM APA JUGA PERTANDINGAN, ADA YANG MESTI KALAH TETAPI SEPERTI YANG SAYA PERNAH KATAKAN, YANG MENANG TIDAKLAH MEMENANGI SEGALA-GALANYA DAN YANG KALAH TIDAKLAH KEHILANGAN SEGALA-GALANYA. +

+MEMANGLAH, YANG MENANG MEMPEROLEHI SESUATU DAN YANG KALAH HILANG SESUATU, + KATANYA APABILA DITANYA TENTANG KEDUDUKAN MEREKA YANG KALAH SETELAH BERTANDING UNTUK HANYA SATU JAWATAN DALAM PARTI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MEREKA YANG KALAH HARUS JUGA BEKERJA UNTUK UMNO KERANA TIDAKLAH PENTING SAMA ADA MEREKA MENCAPAI HASRAT HATI ATAU MENERIMA SEBARANG BALASAN.

+YANG PENTING IALAH SEMUA PIHAK HENDAKLAH BERDEDIKASI KEPADA PARTI. KAMI KHUATIR NANTI CUMA YANG MENANG BERJUANG UNTUK PARTI MANAKALA YANG KALAH TIDAK. -- LAGI 1523/MB

ZCZC 8581

MAHATHIR-ULASAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BELIAU TIDAK MAHU KEPAHITAN KEMPEN MENJEJASKAN MASA DEPAN PARTI, DAN MENAMBAH KATA TIAP-TIAP ORANG HARUSLAH MENGUTAMAKAN UMNO SEBELUM KEPENTINGAN DIRI.

+MEMANGLAH SESEORANG ITU SEDIKIT SEBANYA AKK MESTI MEMPUNYAI KEPENTINGAN DIRI TETAPI JIKA IA MENGANGGAP DIRINYA LEBIH PENTING MAKA PARTI AKAN LENYAP. +

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT KEPENTINGAN DIRI DENGAN KEPENTINGAN PARTI HENDAKLAH DISATUKAN.

+SAYA BERHARAP ARAHALIRAN RASA BAHAWA PARTI MESTI DIDAHULUKAN AKAN WUJUD SELAMA-LAMANYA, + KATANYA.

BELIAU YAKIN UMNO AKAN BERSATU PADU WALAUPUN PERSAINGAN HEBAT BERLAKU SEMASA KEMPEN. -- BERNAMA 1527/MB